

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## 10 CAWANGAN BANK ISLAM DIBUKA PADA HARI SABTU UNTUK MEMUDAHKAN BANTUAN PEMBAYARAN SEMULA PASCAMORATORIUM

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [11 September 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") akan membuka sepuluh (10) cawangan pada dua (2) Sabtu berturut-turut sebagai sebahagian daripada langkah proaktif bagi memudahkan urusan para pelanggan yang memerlukan bantuan pembayaran semula pascamoratorium. Tempoh moratorium automatik sedia ada akan tamat pada 30 September 2020. Peka dengan persekitaran ekonomi yang mencabar, pihak Bank menawarkan bantuan pembayaran semula bersasar kepada pelanggan individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") yang terjejas akibat COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata,"Kami memahami bahawa sesetengah pelanggan mungkin menghadapi kesukaran untuk datang ke cawangan pada waktu operasi biasa. Justeru, kami telah mengambil inisiatif untuk membuka sepuluh (10) cawangan seluruh negara pada hari Sabtu, 12 & 19 September 2020, dari pukul 10 pagi hingga 3 petang, untuk khidmat rundingan dan penyerahan permohonan bantuan pembayaran semula pascamoratorium."

"Pihak Bank sentiasa bersedia untuk memastikan keperluan kewangan pelanggan dijaga dan mereka berupaya mengharungi persekitaran mencabar ini. Apa yang perlu dilakukan pelanggan hanyalah datang dan berbincang dengan kami." tambahnya.

Maklumat berkenaan pembukaan cawangan terlibat adalah seperti berikut:

Wilayah	Cawangan
Tengah	<ul style="list-style-type: none"><li>Shah Alam, Selangor (Wisma PKPS, Seksyen 14)</li></ul>
Timur	<ul style="list-style-type: none"><li>Kuala Terengganu, Terengganu (Bangunan MAIDAM)</li><li>Kota Bharu, Kelantan (Jalan Sultan Yahya Petra)</li></ul>
Selatan	<ul style="list-style-type: none"><li>Seremban, Negeri Sembilan (Kompleks MAINS)</li><li>Ayer Keroh, Melaka (Kota Fesyen-MITC)</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tampoi, Johor (Jalan Padi Emas 5/2)</li> </ul>
Utara	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ipoh, Perak (Kompleks Islam Darul Ridzuan)</li> <li>Kulim, Kedah (Taman Kulim Avenue, Kulim Hi-Tech)</li> </ul>
Timur Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuching, Sarawak (Jalan Kulas)</li> <li>Kota Kinabalu, Sabah (Bangunan Umno Sabah)</li> </ul>

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan penyelesaian pembayaran alternatif yang disediakan Bank Islam, pelanggan boleh melayari laman web Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com); kunjungi cawangan Bank Islam berdekatan atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900.

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan pengikut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--